

BAHAGIAN A

[20 markah]

Arahan : Jawab **semua** soalan.

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

1. Rukun Islam, rukun iman dan ihsan termaktub dalam sebuah hadis yang dikenali sebagai _____.
2. _____ ialah dalil yang bersumberkan nas al-Quran dan al-Sunnah.
3. Semasa pemerintahan _____, sebuah badan khas untuk mentadbir urusan kehakiman ditubuhkan bagi menangani pelbagai permasalahan yang timbul.
4. _____ bermaksud penduduk dalam sesebuah negara yang berkewajipan untuk mentaati khalifah selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.


Soalan 5 hingga soalan 8

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan.

5. Kewajipan atau amalan yang tidak boleh ditinggalkan walaupun dalam keadaan sakit atau darurat.
6. Islam ialah agama praktikal di mana setiap suruhan dan tegahan mempunyai manfaat rohani dan jasmani.
7. Kesalahan dan hikmah yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskan.
8. Kelompok yang berhak menerima zakat.

Soalan 9 hingga soalan 10.

Lengkapkan carta di bawah berkaitan prinsip-prinsip negara Islam.




9. A : _____

10. B : _____

Soalan 11 hingga soalan 12

Lengkapkan carta alir di bawah yang berkaitan dengan peringkat alam yang dilalui oleh manusia.



11. C : _____

12. D : _____

Soalan 13 hingga soalan 16

Lengkapkan jadual di bawah berkaitan kesalahan-kesalahan hudud.

Nombor soalan		Hukuman
13.	E	Disebat 100 kali
14.	F	Disebat 80 kali
15.	G	Disebat 40 kali
16.	H	Dipotong di pergelangan tangan

13. E : _____

14. F : _____

15. G : _____

16. H : _____

Soalan 17 hingga soalan 20.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

17. Arak diharamkan oleh syarak kerana merosakkan agama.
18. Beriman kepada qadak dan qadar merupakan salah satu daripada rukun Islam.
19. Akhlak mahmudah merupakan asas pembinaan sesebuah tamadun yang kukuh.
20. Khulafa al-Rasyidin diasaskan selepas kewafatan Rasulullah SAW.

BAHAGIAN B

[80 markah]

Jawab **empat** soalan dalam bahagian ini.

1. (a) i. Apakah maksud akhlak Islam? [2 markah]
- (b) Nyatakan **dua** contoh akhlak mazmumah terhadap alam sekitar. [2 markah]



- (c) i. Namakan jenis akhlak dalam gambar di atas. [2 markah]
- ii. Bagaimanakah akhlak di atas dapat mewujudkan perpaduan dalam masyarakat? [4 markah]



- (d) i. Berdasarkan gambar di atas, nyatakan **dua** prinsip muamalat Islam. [2 markah]
- ii. Terangkan **dua** langkah menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam. [4 markah]




- iii. Terangkan **dua** peranan institusi zakat di Malaysia. [4 markah]
2. (a) i. Apakah maksud insan? [2 markah]
 ii. Nyatakan **dua** kepentingan memelihara fitrah kejadian insan. [4 markah]
 iii. Jelaskan **dua** tindakan anda untuk memelihara fitrah kejadian insan. [4 markah]
- (b) Senaraikan **dua** jenis kesalahan hukuman jenayah dalam Islam. [2 markah]
- Sistem kehakiman Islam perlu dilaksanakan sepenuhnya kerana mempunyai kepentingan terhadap individu, masyarakat dan negara.*
- (c) Huraikan **dua** kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam. [4 markah]



- (d) Berdasarkan gambar, logo halal telah disalahgunakan oleh pengusaha makanan di negara ini. Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, huraikan usaha anda untuk mengatasi masalah tersebut. [4 markah]

3. (a) i. Nyatakan **dua** adab dan etika Sistem Sosial Islam. [2 markah]
 ii. Senaraikan **dua** hak asasi manusia. [2 markah]



- (b) i. Berdasarkan info grafik di atas, nyatakan punca berlakunya perceraian dalam kalangan masyarakat Islam. [1 markah]
 ii. Bagaimanakah rumah tangga boleh diselamatkan daripada perceraian. Berikan hujah anda. [5 markah]

Etika tadbir urus Islam merujuk kepada panduan Islam bagi individu yang diberikan amanah untuk mentadbir dan mengurus sesebuah organisasi.

- (c) i. Senaraikan **dua** etika tadbir urus Islam. [2 markah]
 ii. Jelaskan **dua** kesan yang berlaku sekiranya sesebuah organisasi mentadbir dan mengurus tidak mengikut syariat Islam. [4 markah]
- (d) Nyatakan **empat** ciri khalifah Islam. [4 markah]
4. (a) i. Apakah maksud akidah? [2 markah]
 ii. Jelaskan **dua** amalan yang dapat membuktikan pegangan akidah yang benar. [4 markah]

- (b) Nyatakan kepentingan ibadah berikut dalam Islam: [4 markah]
 i. Lafaz syahadah
 ii. Solat

- (c) i. Berikan maksud ekonomi Islam. [2 markah]
 ii. Nyatakan **dua** keistimewaan sistem ekonomi Islam. [2 markah]

- Berpaksikan akal fikiran semata-mata
- Berasaskan kebebasan mutlak individu

Pernyataan di atas berkaitan sistem ekonomi konvensional.

- (d) i. Namakan jenis sistem ekonomi tersebut. [2 markah]
 ii. Huraikan **dua** kesan sistem ekonomi tersebut terhadap masyarakat. [4 markah]


5. (a) Gelaran hamba mengingatkan manusia kepada Allah SWT. [2 markah]
 i. Apakah maksud hamba Allah SWT?
 ii. Jelaskan **dua** tujuan penciptaan manusia. [2 markah]



Banjir kilat di Jalan Sultan Azlan Shah menuju Jalan Ipoh susulan hujan lebat.

(Sumber BH Online 25 April 2022)

- (b) Berdasarkan gambar di atas, apakah punca berlakunya peristiwa tersebut? [1 markah]
 Berikan hujah anda. [5 markah]
- (c) Huraikan **dua** kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam. [4 markah]
- (d) i. Nyatakan maksud diat. [2 markah]
 ii. Jelaskan **dua** syarat kesaksian dalam prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan. [4 markah]
6. (a) i. Nyatakan **dua** adab pergaulan dalam Islam. [4 markah]
 ii. Nyatakan maksud sifat mahmudah dalam pergaulan. [2 markah]
- (b) i. Nyatakan **dua** konsep kesenian Islam. [4 markah]
 ii. Terangkan **dua** kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam. [4 markah]



- (c) i. Apakah maksud sistem pemerintahan Islam? [2 markah]
 ii. Jelaskan **dua** ciri sistem pemerintahan Islam. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT